

Prestasi Pertubuhan OCCM

Setelah mengetahui asal-usul Pertubuhan OCCM serta persepsi ahli terhadap peranan Pertubuhan, maka dalam bab ini, akan ditinjau sejauhmanakah Pertubuhan ini telah mencapai matlamatnya. Dalam konteks ini, pengkaji akan cuba menghuraikan dari 2 segi melalui temubual atau penyelidikan soal selidik yang telah dijalankan, iaitu :

- 1) dari segi ahli-ahli Pertubuhan/responden-responden ;
- 2) dari segi pentadbir Pertubuhan.

Keberkesanan Perkhidmatan Pertubuhan OCCM : Pandangan Ahli-ahli

Sumbangan Pertubuhan memang tidak dapat dinafikan. Pertubuhan yang pada mulanya tidak formal, yang hanya mempunyai beberapa orang ahli berkembang menjadi satu pertubuhan rasmi yang merangkumi ahli kira-kira seramai 900 lebih orang. Matlamat Pertubuhan untuk mengumpul dan mewujudkan perpaduan di kalangan orang cacat pada umumnya memang telah dicapai. Pertubuhan telah menyediakan banyak aktiviti untuk tujuan ini, termasuk hiburan, jamuan, permainan, sukan dan sebagainya. Majoriti responden pernah dan mengakui akan terus mengambil bahagian dalam

aktiviti yang sedemikian kerana melalui aktiviti-aktiviti tersebut yang dilancarkan sekali-sekala dalam setahun, mereka akan berpeluang mengenali ahli-ahli dari seluruh negara. Ini dapat menjalin hubungan mesra antara orang cacat dan ia memang merupakan tujuan utama Penubuhan Pertubuhan OCCM. Jadual berikut menunjukkan jenis aktiviti yang disediakan oleh Pertubuhan dan bilangan responden yang menyertainya .

Jadual 11

Jenis Aktiviti Yang Disediakan Oleh Pertubuhan
OCCM Dan Bilangan Responden Yang Menyertainya (tahun 1991)

Jenis Aktiviti	Bil. Responden Yang Turut Serta
Kelas latihan kraftangan	3
Hiburan/outings	21
Jamuan makan	20
Aktiviti sukan	8
Seminar-seminar	5
Mesyuarat agung tahunan	24
Jumlah	81

Nota : Seorang responden mungkin menyertai lebih daripada satu jenis aktiviti.)

Pencapaian Pertubuhan dalam konteks ini, yakni

PERKUSYUHAN OKIV DASAR MALAYA

menjalin perhubungan sesama orang cacat memang tidak dapat dinafikan. Bila ditanya tentang kejayaan Pertubuhan, responden-responden turut memuji Pertubuhan kerana berjaya menyediakan peluang bagi orang cacat berkenalan antara satu sama lain dan juga menggalakkan penyertaan dan penglibatan ahlinya dalam aktiviti sosial yang begitu asing bagi mereka.

Menurut setengah-setengah ahli, Pertubuhan juga mencapai kejayaan dalam hal-hal seperti memberi bantuan kepada ahli yang memerlukan walaupun bantuan adalah tidak menyeluruh (dalam konteks ini, ia merujuk kepada bantuan kewangan dan barangan). Jadual berikut menunjukkan jenis kejayaan yang tercapai dari persepsi ahli Pertubuhan :

Jadual 12

Pencapaian Pertubuhan OCCM Dari Persepsi Responden

Kejayaan Yang Dapat dicapai	Bil.Responden
Mengumpulkan orang cacat	25
Bantuan walaupun kurang	6
Tempat perlindungan orang cacat	1
Perubahan psikologi melalui seminar	5
Jumlah	37

Dari perbincangan di atas, sumbangan Pertubuhan

memang tidak dapat dinafikan. Pertubuhan telah berjaya mencapai setengah daripada matlamatnya, tetapi dari pandangan responden, Pertubuhan yang mereka sertai juga ada kelemahan yang ketara. Apabila ditanya mengenai apakah kelemahannya, responden memberi pendapat mereka seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut :

Jadual 13

Kelemahan Pertubuhan OCCM Dari Persepsi Responden

Kelemahan Pertubuhan	Bil. responden
Kekurangan latihan kemahiran	23
Kekurangan seminar untuk perubahan psikologi	1
Bantuan terlalu kecil	7
Tiada cawangan pentadbiran di kawasan luar daripada K.Lumpur	18
Syarat pinjaman terlalu ketat	4
Jumlah	53

(Nota : Responden mungkin menjawab lebih daripada satu kelemahan.)

Dari keputusan yang telah diperolehi, didapati majoriti responden mengadu bahawa Pertubuhan OCCM kurang menyediakan latihan kemahiran yang amat diperlukan oleh se-

seorang yang telah cacat anggota badannya untuk memulakan penghidupan baru. Di samping itu, kebanyakan responden, terutamanya responden yang tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur, mengatakan bahawa kelemahan utama Pertubuhan ialah tidak menyediakan cawangan pentadbiran di negeri mereka masing-masing. Ini menyebabkan ahli-ahli di situ tidak dapat dijaga dengan rapi. Tambahan pula, 7 orang responden mengadu bantuan yang diberikan terlalu kecil dan selalu terhad kepada ahli-ahli yang benar-benar dikenali oleh para pentadbir Pertubuhan. Manakala keperluan bagi ahli yang jarang berinteraksi dengan mereka yang memegang pucuk pimpinan Pertubuhan tidak diketahui oleh mereka dan dengan itu bantuan yang amat diperlukan oleh ahli-ahli tersebut tidak dapat diberikan. Di samping itu, walaupun Pertubuhan ada menyediakan kemudahan pinjaman, tetapi syarat pinjaman yang ditetapkan, dari pandangan ahli-ahli, adalah terlalu ketat. Menurut beberapa orang responden, adalah amat leceh bagi seorang orang cacat untuk pergi mendapatkan perkhidmatan daripada seorang peguam sebagai penjamin kerana masalah kewangan. Mereka tidak mampu membayar perbelanjaan untuk perkhidmatan peguam dan juga kerana masalah mobiliti. Menurut mereka lagi, jika Pertubuhan benar-benar ingin memberi bantuan kepada ahli-ahli mereka, mengapakah syarat tidak dilonggarkan kerana syarat-syarat yang terlalu ketat seolah-olahnya cuba menghadkan ahli-ahli daripada mendapat-

kan bantuan. Ini menyebabkan ramai ahli tidak dapat menikmati kemudahan tersebut.

Menurut Setiausaha Executive Pertubuhan DCCM, Pertubuhan ini ada menyediakan kelas latihan seperti kelas menghiasi bunga, menjahit, berenang dan aktiviti sukan yang lain. Adalah diharapkan sebahagian daripada latihan tersebut akan dapat menjadi sumber pendapatan ahli-ahli pada suatu hari nanti. Apabila responden ditanya sama ada mereka menyertai kelas kemahiran yang telah dan sedang dianjurkan oleh pihak Pertubuhan, didapati hanya 3 daripada 40 orang responden sahaja yang memberi jawapan positif, manakala majoriti responden, iaitu 37 orang tidak pernah menyertai apa-apa kelas latihan. Ketiga-tiga orang ahli yang tersebut adalah sedang menyertai kelas latihan jahitan yang dianjurkan oleh pihak Pertubuhan antara bulan Januari dan Ogos 1991. Sebab-sebab mengapa ramai responden tidak menyertai latihan yang disediakan ditunjukkan dalam jadual yang berikut :

Jadual 14

Alasan Responden Tidak Menyertai Kelas Latihan

Anjuran Pertubuhan OCCM

Sebab-sebab	Bil. Responden
Masalah pengangkutan (bagi mereka yang cacat teruk)	5
Tinggal terlalu jauh dari pejabat Pertubuhan	9
Tidak berminat	16
Sibuk dengan kerja sendiri	3
Sudah mendapat pekerjaan (tidak perlu menyertai latihan yang khas untuk ahli yang manganggur)	4
Jumlah	37

Dari jadual di atas, sebab-sebab sambutan yang rendah di kalangan responden dapat dilihat terdiri daripada masalah yang utama iaitu masalah pengangkutan, bagi mereka yang cacat teruk ; tinggal terlalu jauh dari pejabat Pertubuhan ; tidak berminat ; sibuk dengan kerja sendiri ; sudah mendapat pekerjaan, oleh itu tidak perlu menyertai kelas latihan yang khas untuk ahli-ahli yang manganggur. Dari kajian, didapati ada anggapan di kalangan orang cacat bahawa

Kelas latihan adalah khas untuk mereka yang menganggur, manakala jika mereka telah mendapat pekerjaan, tidak wajarlah mereka menerima latihan kerana tempat latihan harus diberikan kepada ahli-ahli yang menganggur yang lebih memerlukan latihan.

Ada juga responden yang mengatakan mereka tidak berminat kerana latihan yang diberikan tidak sesuai. Kebanyakan daripada mereka yang memberi jawapan sedemikian adalah responden lelaki. Mereka tidak berminat untuk menghiasi bunga dan menjahit. Mereka mengharapkan latihan yang lebih 'sesuai' untuk kaum lelaki seperti membaiki alat elektrik, membuat perabot, kerja pertukangan kayu dan sebagainya. Tetapi Pertubuhan OCCM tidak menawarkan latihan yang sedemikian. Kelas berenang dan sukan walaupun berfaedah untuk kesihatan tetapi tidak boleh digunakan sebagai sumber pendapatan mereka. Kilang dan kedai perniagaan yang dijangkakan akan dibina oleh pihak Pertubuhan sejak tahun 1987 belum ada lagi, kelas-kelas latihan yang tersebut di atas hanya diadakan sejak tahun lepas sahaja.

Di samping itu, rancangan menyediakan rawatan dan mendapat peluang pekerjaan untuk ahli-ahlinya juga belum dapat dicapai. Menurut responden-responden yang ditemui, tiada usaha yang tegas untuk mencapai matlamat Pertubuhan untuk membantu ahli-ahli supaya menyesuaikan diri dalam kehidupan

dan hidup berdikari sebagai anggota masyarakat yang berguna. Salah seorang dari responden yang amat 'radikal' pula mengkritik Pertubuhan dengan mengatakan bahawa para pemimpin Pertubuhan harus menggunakan kebijaksanaan dalam hal pentadbiran dengan berdasarkan kepentingan ahli. Wang yang diderma dengan menggunakan nama orang cacat harus digunakan untuk orang cacat dan bukan untuk perkara yang kurang penting seperti membeli sebuah bungalow sebagai pejabat pentadbiran. Wang harus dibelanjakan berdasarkan susunan kepentingan misalnya jika ahli-ahli amat memerlukan bantuan dan latihan, keutamaan harus diberikan untuk hal tersebut.

Di samping itu, syarat pinjaman yang terlalu ketat telah menghadkan mereka yang kekurangan modal untuk memulakan perniagaan daripada mencapai kejayaan dalam hidup. Para pemimpin harus lebih berinteraksi dengan ahli-ahli supaya masalah sebenar mereka dapat diketahui dan bantuan yang sewajarnya boleh diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Menurut seorang responden, rayuan ahli harus dipenuhi dengan secepat mungkin kerana harapan orang cacat jika tidak dipenuhi pada mulanya, akhirnya akan membina tabiat yang kurang sihat kerana keyakinan diri orang cacat sudah lenyap memandangkan "self esteem" mereka yang rendah.

Pengaruh Perkhidmatan Pertubuhan OCCM : Pandangan Pentadbir

Menurut pihak pentadbir, Pertubuhan OCCM sebagai satu pertubuhan kebajikan, kelemahan memang wujud. Tetapi kelemahan tersebut tidak harus dijadikan alasan bagi seseorang ahli mengkritik dan menarik diri dari Pertubuhan yang dibentuk khas untuk mereka. Kelemahan itu juga tidak harus diperbesar-besarkan sehingga ia menutupi segala jasa baik serta pengorbanan yang pernah disumbangkan oleh Pertubuhan. Menurut mereka lagi, usia Pertubuhan yang hanya 14 tahun memang muda jika dibandingkan dengan organisasi kebajikan yang telah ditubuhkan selama berpuluh-puluh tahun. Justeru itu, pencapaian organisasi-organisasi lain tidak sepatutnya dipergunakan untuk perbandingan dengan Pertubuhan OCCM. Ini disebabkan ia merupakan pertubuhan yang dibentuk dengan usaha sendiri tanpa bantuan geran daripada pihak kerajaan. Banyak masa pada mula penubuhannya telah digunakan untuk memperkenalkan Pertubuhan kepada masyarakat. Segala perhatian telah diletakkan ke atas hal ini untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kewujudan dan keperluan Pertubuhan ini. Oleh itu, hal-hal mengenai rancangan latihan tentulah diketepikan dahulu kerana jika tiada sambutan dan derma orang ramai, Pertubuhan ini tidak dapat diteruskan. Sepanjang masa ini, Pertubuhan ini telah berjaya memperoleh kesedaran di kalangan rakyat Malaysia, maka tibalah masa untuk mereka melancarkan rancangan-rancangan yang telah dijanjikan. Menurut para pentadbir lagi, Pertubuhan tidak mengabaikan rancangan latihan tetapi disebabkan masalah ke-

wangan, rancangan ini perlu ditangguhkan untuk sementara waktu.

Seorang bekas Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Jula mengatakan bahawa sebagai sebuah Pertubuhan yang benar-benar memikirkan tentang masa depan ahli-ahlinya, ia sepatutnya tidak memenuhi segala keperluan atau rayuan ahli-ahli. Hal ini ditakuti akan membina sikap mereka menjadi terlalu bergantung kepada bantuan Pertubuhan dan tidak berusaha sendiri untuk mendapat sesuatu yang mereka idamkan dalam kehidupan mereka. Perkhidmatan bantuan kewangan dan rancangan tidak boleh dijalankan sepanjang masa kerana ia tidak mendatangkan hasil dalam jangka masa panjang. Apa yang penting ialah memberi latihan kepada ahli-ahli supaya mereka dapat hidup berdikari tanpa menjadi bebanan keluarga di samping membina peribadi orang cacat yang sihat supaya mereka dapat menerima hakikat kecacatan dan terus menempuh kehidupan mereka yang penuh dengan cabaran.

Menurut Setiausaha Executive Pertubuhan Jula, sumbangan Pertubuhan OCCM kepada ahli-ahli mereka memang tidak dapat dinafikan. Keadaan Pertubuhan tidak seburuk seperti yang telah dikatakan oleh setengah-setengah ahli yang mempunyai perasaan prasangka terhadap peranan Pertubuhan. Kebanyakan kerja kebajikan sebenarnya adalah dijalankan tanpa pengetahuan ahli-ahli. Oleh itu,

Kritikan ahli tentang Pertubuhan adalah tidak berasas. Misalnya pihak pentadbir sering berusaha untuk mendapatkan peluang pekerjaan untuk ahli-ahli yang menganggur. Di samping itu, bantuan kewangan dan barangan juga ada diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Sebagai contoh, setiap ahli yang berkahwin akan mendapat "Ang Pau" yang mengandungi \$200 dari pihak Pertubuhan sebagai hadiah. Kesemua bantuan yang telah dijalankan memang tidak diketahui oleh semua ahli. Walau bagaimanapun, menurut Setiausaha Executive lagi, pada hakikatnya, semua ahli Pertubuhan dapat mengetahui kerja kebajikan Pertubuhan melalui Laporan Tahunan yang telah diberikan kepada setiap orang ahli semasa Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan diadakan. Tetapi malangnya ramai ahli, termasuk ahli yang selalu mengkritik Pertubuhan, jarang mengambil bahagian dalam Mesyuarat dan dengan demikian mereka tidak akan mengetahui keadaan sebenar Pertubuhan. Justeru itu, sebagai seorang ahli yang benar-benar mengambil berat Pertubuhan yang merupakan 'kepunyaan' mereka sendiri, setiap ahli sepatutnya jangan mengkritik sahaja tetapi sebaliknya harus menelankan tugas yang paling minima sebagai seorang ahli yang bertanggungjawab, misalnya menyertai Mesyuarat Agung Tahunan.

Mengenai kes kelas latihan pula, sambutan dingin di kalangan ahli-ahli sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh ketiadaan tempat penginapan yang disediakan oleh Pertubuhan. Justeru itu, menurut pentadbir Pertubuhan,

Ahli-ahli,terutamanya ahli-ahli yang tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur tidak dapat menyertai kelas-kelas latihan yang dijalankan. Pihak pentadbir Pertubuhan begitu berharap untuk mendirikan kilang latihan secepat mungkin,tetapi masalah kewangan dan juga masalah-masalah lain telah melambatkan pelaksanaan projek ini. Kata salah seorang daripada pentadbir Pertubuhan, jumlah derma tahunan yang dapat dikutip oleh Pertubuhan sebenarnya tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan bantuan kepada semua ahli yang memerlukan bantuan dari pihak Pertubuhan,apatah lagi jika hendak membina sebuah bangunan kilang yang besar! Di samping itu, sebenarnya, menurut akhbar Nan Yang Siang Pau yang bertarikh 16hb. Jun 1990, Senator Selangor, Datuk Yap Peng Hon mengatakan bahawa pihak kerajaan daerah bercadang untuk memberi sebidang tanah seluas 2 ekar yang bertapak di Jalan Puchung Batu 6, Kuala Lumpur, untuk dijadikan tapak pembinaan pusat latihan dan projek ini masih diusahakan.²¹

Selain daripada kelemahan-kelemahan yang tersebut, ahli-ahli juga berpendapat mereka yang tinggal di luar kawasan Kuala Lumpur sering diabaikan kerana tiada kewangan pentadbiran di tiap-tiap negeri. Pihak pentadbir Pertubuhan mengakui bahawa ia merupakan kelemahan Pertubuhan yang serius. Walaupun terdapat Ahli Jawatankuasa peringkat negeri yang telah dilantik di setiap negeri yang ditugaskan untuk merancang serta mengorganisasikan latihan atau

aktiviti untuk ahli-ahli di situ, tetapi oleh kerana tanggungjawab tersebut tidak dipandang berat oleh mereka yang telah dilantik, ini telah menyebabkan perjalanan pentadbiran di peringkat negeri tergendala sehingga ramai daripada ahli-ahli di situ tidak sedar tentang kewujudan jawatankuasa tersebut.

NOTA BAB

21. Petikan Akhbar "NAN YANG SIANG PAO", tarikh 18hb. Jun 1990.